

Tingkatan 3- Bab 2: Malayan Union 马来亚联盟 dan 和 Persekutuan Tanah Melayu 马来亚联邦

Pengenalan 介绍

1. Sebelum ini kita telah mempelajari bagaimana pemerintahan tentera Jepun telah menyemarakkan semangat kebangsaan di negara kita.

此前我们已经研究了日本政府如何助长在我们国家的民族主义。

2. Penubuhan gagasan Malayan Union 1946 selepas Perang Dunia Kedua mendorong gerakan nasionalisme menentang penjajahan British.

在二战结束后，马来亚联盟 1946 年的成立推动民族主义运动反对英国殖民统治。

3. Orang Melayu telah menentang Malayan Union kerana mereka menyedari British cuba untuk menjajah Tanah Melayu dan sekali gus menghapuskan ketuanan Melayu.

马来人反对马来亚联盟的是因为他们意识到，英国企图殖民统治马来亚从而消除马来人的统治权。

4. Perjuangan orang Melayu menentang Malayan Union telah memberi impak yang berkesan apabila Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan pada Februari 1948.

当马来亚联邦于 1948 年 2 月宣布，马来人反对马来亚联盟的斗争已经是给予有效的影响。

2.1 Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun 日本战败后的马来亚

1. Setelah tentera Jepun berundur, British tidak dapat memulihkan kuasanya di Tanah Melayu dengan serta merta.

日军撤退之后，英国未能立刻恢复它在马来亚半岛的权力。

2. Walaupun saat itu merupakan peluang keemasan untuk mendapatkan kemerdekaan, tetapi Tanah Melayu masih belum bersedia ke arah tersebut.

尽管这是一个千载难逢以获得独立的机会，但马来亚还没有准备好朝这个方向去。

3. Parti Komunis Malaya (PKM) yang sebelum ini menjalankan gerakan gerila menentang pemerintahan tentera Jepun telah mengambil kesempatan untuk mengisi kekosongan politik dengan menjalankan pemerintahan di Tanah Melayu.

之前进行游击运动反对日本军事统治的马来亚共产党（PKM），借此机会填补政治空缺在马来亚当执行政府。

4. Apabila tentera British tiba di Tanah Melayu 14 hari kemudiannya, mereka telah membentuk Pentadbiran Tentera British atau British Military Administration (BMA) dan berjaya mengambil alih pemerintahan PKM.

当英国军队抵达马来亚 14 天以后，他们成立了英军行政或英国军事管理局（BMA），并成功地接替马来亚共产党（PKM）的行政管理。

2.1.1 Keganasan 14 Hari (14 天的暴力行为)

1. Pemerintahan PKM dalam tempoh 14 hari dilaksanakan melalui cawangan tenteranya yang dikenali sebagai Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA).

PKM 通过被称为马来亚人民抗日军（MPAJA）的军事部门执行统治了 14 天。

2. Tentera MPAJA menggunakan lambang tiga bintang yang mewakili tiga kaum utama di Tanah Melayu, iaitu Cina, Melayu, dan India. Lambang tiga bintang yang digunakan ini menyebabkan tentera MPAJA juga dikenali sebagai tentera Bintang Tiga.

MPAJA 军队使用代表马来亚半岛三大种族，即华人，马来人和印度人的三星（tiga bintang）标志。使用三星作为标志，导致 MPAJA 军队也被称为三星军。

3. Parti Komunis Malaya melalui tentera MPAJA atau tentera Bintang Tiga telah berjaya menguasai bandar dan daerah utama di seluruh Tanah Melayu.

马来亚共产党通过 MPAJA 军事或三星军已经成功地掌控整个马来半岛的城市和主要区域。

Mesej focus 焦点资讯

Semasa penjajahan Jepun, PKM menjadi semakin berpengaruh. British melatih MPAJA untuk menentang Jepun dan diberi pelbagai bentuk bantuan melalui agennya yang berpangkalan di Sri Lanka. British memberikan latihan taktik perang gerila kepada anggota PKM dalam MPAJA melalui Sekolah Latihan Khas 101 di Singapura. Menjelang tahun 1945, keanggotaan MPAJA menjadi 7 000 orang.

日本占领期间，PKM 变得越来越有影响力。英国通过位于斯里兰卡的代理人训练 MPAJA 和提供的各种形式的援助以对抗日本。英国通过提供在新加坡的 101 特殊训练学校给 MPAJA 里的 PKM 成员游击战战术训练。到了 1945 年，隶属 MPAJA 成员达到 7000 人。

4. Mereka juga mengambil alih balai polis dan pejabat pentadbiran kerajaan yang ditinggalkan oleh Jepun.

他们也接管由日本遗弃的警察局和政府办公楼。

5. Dalam melaksanakan pemerintahan, PKM telah menjalankan undang-undang mereka sendiri dengan menjatuhkan hukuman ke atas sesiapa sahaja yang dianggap bekerjasama dengan Jepun.

在执行的行政管理时，PKM 实行自己的法律对任何被认为与日本合作的人施以刑罚。

6. Selain itu, mereka juga mengenakan cukai kepala, cukai harta, dan cukai tanah yang tinggi kepada penduduk kampung.

此外，他们还向村民征收高额的人头税，财产税和土地税。

7. Selama 14 hari pemerintahannya, PKM telah menjalankan keganasan yang tidak berperikemanusiaan.

在他们当政期间的 14 天，PKM 已执行非人道的暴力。

8. Mereka telah menangkap dan menyiksa orang Melayu yang bekerjasama dengan tentera Jepun kerana dianggap telah membuat penganiayaan ke atas orang Cina.

他们逮捕并虐待与日本军方合作过的马来人因为被视为是对华人的迫害。

9. Mereka juga merampas harta benda orang kampung dan membunuh mereka yang dianggap bersalah.

他们还抢走村民的财物并杀死被认为是有罪的村民。

10. Di Batu Pahat, PKM telah membunuh seorang penghulu yang dianggap bersubahat dengan tentera Jepun. Seorang pegawai daerah yang cuba mengadakan rundingan dengan mereka juga telah dibunuh.

在 Batu Pahat, PKM 杀了被认为勾结日本军方的一位领袖。一位试图与他们谈判的省区官员也被杀害。

11. Di Jelevu, Negeri Sembilan, mereka menghina tempat suci orang Islam seperti mencemarkan masjid dan surau dengan benda-benda najis.

在森美兰的 Jelevu, 他们侮辱回教圣地，比如用粪便污染清真寺和祈祷室。

12. Di Kampung Bakor dan Sungai Manik, Perak, rumah penduduk kampung yang kebanyakannya orang Melayu telah dibakar bersama penghuninya pada waktu malam.

在霹雳的 Kampung Bakor 和 Sungai Manik, 大部分马来村民的房屋在晚上时连同居民一起被焚烧。

13. Tindakan PKM yang tidak berperikemanusiaan ini telah menyebabkan penduduk kampung bertindak balas sehingga berlaku huru-hara di beberapa tempat di seluruh Semenanjung Tanah Melayu.

PKM 的不人道行为让村民作出反应甚至在马来半岛各地的几个地方造成动乱。

14. Di Batu Pahat dan Muar, orang Melayu di bawah pimpinan Kiyai Salleh Karim telah bersatu untuk menyerang orang Cina di bandar Batu Pahat.

在 Batu Pahat 和麻坡，在 Salleh Karim 神父（Kiyai）的领导下，马来人团结一致攻击在 Batu Pahat 的华人。

15. Dato' Onn Jaafar, pegawai daerah Batu Pahat ketika itu telah berjaya menghalang daripada berlakunya pertumpahan darah yang dahsyat di bandar tersebut.

Dato' Onn Jaafar, Batu Pahat 的民政事务专员当时成功地阻止恐怖的流血事件发生在这个城市。

16. Ketegangan kaum ini berterusan selama 14 hari apabila Pemerintahan Tentera British (PTB) atau British Military Administration (BMA) yang ditubuhkan berjaya mengembalikan keamanan.

当紧张的种族关系持续 14 天，英军行政部队（PTB）或英国军事管理局（BMA）的建立成功恢复治安。

17. Generasi pada hari ini harus sentiasa berusaha mengelakkan peristiwa ketegangan kaum seperti ini daripada berlaku semula. Keganasan bukanlah jalan untuk menyelesaikan masalah.

今天年轻一代必须不断地努力，以避免这样的种族矛盾的事件再次发生。暴力不是解决问题的方法。

2.1.2 Pentadbiran Tentera British 英国军事管理

1. Pentadbiran Tentera British (PTB) ialah sebuah pentadbiran tentera yang diperkenalkan oleh British untuk mentadbir Tanah Melayu selepas pengunduran tentera Jepun.

英国军事行政（PTB）是由英国引入的军事管理以便管理日军撤离后的马来半岛。

2. PTB yang diperkenalkan pada September 1945 merupakan sebuah pentadbiran peralihan sebelum sebuah kerajaan awam dapat ditubuhkan untuk meneruskan kesinambungan pemerintahan British di Tanah Melayu.

在 1945 年 9 月引入的 PTB 是建立公民政府之前的一个过渡性政府（pentadbiran peralihan），以便英国延续马来亚半岛的统治。

3. PTB diketuai oleh Sir Ralph Hone, iaitu seorang Ketua Pegawai Hal Ehwal Awam (Chief Civil Affairs Officer).

PTB 由 Ralph Hone 爵士，那就是公共事务部总官（Chief 总 Civil 民政 Affairs 事务 Officer 官）率领。

4. PTB telah berjaya menjalankan peranannya sebagai sebuah pentadbiran peralihan seperti berikut:

PTB 成功履行它作为一个过渡政府的角色，如下所示：

(a) Menamatkan penguasaan PKM di Tanah Melayu.

终止 PKM 控制马来亚半岛。

(b) menegakkan undang-undang untuk mengembalikan keamanan.

执行法律，以恢复和平。

(c) Memujuk PKM (MPAJA / tentera Bintang Tiga) supaya menyerahkan senjata.

说服 PKM（MPAJA/三星军）交出武器。

(d) Menamatkan pergaduhan antara kaum di kawasan tertentu di Tanah Melayu.

结束在马来亚半岛某些地区的民族战斗。

Mesej Focus 焦点资讯

PKM telah menubuhkan Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) untuk menentang pemerintahan tentera Jepun di Tanah Melayu. MPAJA juga dikenal sebagai tentera Bintang Tiga kerana menggunakan lambang tiga bintang yang melambangkan tiga kaum utama di Tanah Melayu, iaitu Melayu, Cina dan India. Walaupun begitu, kaum Cina mendominasi pertubuhan ini.

PKM 成立马来亚人民抗日军（MPAJA）以对抗在马来亚半岛的日军统治。MPAJA 也被称为三星军因为用代表着马来亚半岛三大主要民族，那就是马来人，华人和印度人的三星标识。虽然如此，华族主宰着这个组织。

5. Setelah berjaya mengembalikan keamanan di Tanah Melayu, PTB kemudiannya melaksanakan Malayan Union seperti yang telah dirancang oleh British.

成功恢复马来半岛和平之后，PTB 实施按照英国计划的马来亚联盟。

2.2 Malayan Union 马来亚联盟

1. Kerajaan Malayan Union telah diisytiharkan oleh British pada 1 April 1946 di King's House (Carcosa Seri Negara), Kuala Lumpur.

马来亚联盟政府是在吉隆坡的国王之家 (Carcosa Seri Negara) 于 1946 年 4 月 1 日由英国宣布。

2. Pengisytiharan ini menandakan PTB di Tanah Melayu telah ditamatkan dan sebuah kerajaan awam, iaitu Malayan Union ditubuhkan.

这项声明标志着在马来半岛 PTB 已终止以及国民政府，那就是马来亚联盟正式成立。

3. Malayan Union dirancang oleh British semasa Tanah Melayu masih di bawah pemerintahan tentera Jepun.

马来亚联盟是马来半岛还在日本军事统治时期就被英国设计的。

4. Pentadbiran Malayan Union diketuai oleh seorang Gabenor. Gabenor yang pertama ialah Sir Edward Gent.

马来亚联盟行政是由总督为首。第一总督是 Edward Gent 爵士。

2.2.1 Tujuan Penubuhan Malayan Union 成立马来亚联盟的目的

1. Penubuhan Malayan Union adalah berdasarkan beberapa pertimbangan British terhadap Tanah Melayu selepas tamatnya Perang Dunia Kedua.

建立马来亚联盟是基于英国对马来亚二战结束后几方面的考虑。

2. Tujuan penubuhan Malayan Union 马来亚联盟的目的

(a) Membentuk satu bangsa Malayan Union 建立一个马来亚联盟的民族

-Kewujudan satu bangsa boleh mendorong golongan pendatang menumpukan taat setia kepada kerajaan.

一个民族的存在可以带动移民者对政府投入忠诚。

(b) Mengurangkan dan mengawal kuasa politik orang Melayu 减少和控制马来人的政治权力

-Orang Melayu dianggap bersalah kerana memberi kerjasama kepada Jepun.

马来人被认为有罪因为与日本合作。

(c) Menjimatkan perbelanjaan pentadbiran 节省行政费用

-Perbezaan pentadbiran antara Negeri Selat, Negeri Melayu Bersekutu, dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu telah menelan belanja yang besar.

海峡殖民地，马来联邦和马来属邦的政府之间的行政差异花费太大。

(d) Menjamin kesinambungan penguasaan British 为确保英国统治的延续

-Tanah Melayu merupakan pengeluaran bijih timah dan getah yang terbesar di dunia.

马来亚半岛是世界上最大的锡和橡胶生产商。

(e) Memastikan sumbangan golongan pendatang berterusan 为确保移民者的持续贡献

-Memastikan perkembangan ekonomi Tanah Melayu tidak terjejas.

确保马来亚的经济发展没有受到影响。

(f) Mewujudkan sebuah pentadbiran yang cekap dan seragam 建立一个高效和统一的行政管理

-Negeri Selat, Negeri Melayu Bersekutu, dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu sebelumnya ditadbir secara berasingan.

之前海峡殖民地，马来联邦和国家非马来联邦是分开管理的。

(g) Menyediakan Tanah Melayu ke arah pembentukan berkerajaan sendiri 让马来亚朝着建立自治政府做准备

-Perlu dijajah dahulu sebelum diberi kemerdekaan.

在被赋予独立之前必须被殖民统治。

2.2.2 Ciri-ciri Malayan Union 马来亚联盟的特质

1. Penubuhan Malayan Union 1946 telah mengubah status Tanah Melayu daripada negeri naungan kepada tanah jajahan mahkota.

马来亚联盟 1946 的成立改变马来亚的地位：由附属国变成英国直辖殖民地。

2. Malayan Union juga merupakan sebuah kerajaan yang bercorak kesatuan.

马来亚联盟是一个统一的帝国。

3. Ciri-ciri perlembagaan Malayan Union 马来亚联盟宪法的特点

(a) Malayan Union terdiri daripada 4 buah Negeri Melayu Bersekutu, 5 buah Negeri Melayu Tidak Bersekutu, dan 2 Negeri Selat kecuali Singapura.

马来亚联盟由 4 个马来联邦，5 非马来联邦和 2 个海峡殖民地，除了新加坡组成。

(b) Malayan Union diketuai oleh seorang Gabenor British yang dilantik oleh Raja England.

马来亚联盟由英国国王任命的一位英国总督率领。

(c) Majlis Eksekutif dan Majlis Undangan Malayan Union diwujudkan untuk membantu Gabenor.

马来亚联盟执行委员会及立法委员会的设立是为了协助总督。

(d) Kerakyatan Malayan Union berasaskan kesamarataan dengan prinsip jus soli.

马来亚联盟的公民权基于平等的出生地决定国籍的原则。

(e) Raja-raja hanya menjadi ahli Majlis Melayu yang membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu.


国王队只成为马来委员会成员探讨回教和马来习俗的问题。

(f) Pentadbiran setiap negeri diketuai oleh Pesuruhjaya Negeri.

每个州的行政管理国家由监理专员率领。

(g) Undang-undang Malayan Union diputuskan di Parlimen British.

马来亚联邦的法律在英国国会决定。



Struktur Pentadbiran Malayan Union 马来亚联盟的行政结构

4. Penubuhan Malayan Union 1946 menunjukkan usaha British untuk memperkukuhkan pengaruh politik dan ekonominya di Tanah Melayu.

马来亚联盟于 1946 的成立显示英国增强它在马来半岛的政治和经济影响力的努力。

5. Penubuhan Malayan Union merupakan satu bentuk penjajahan secara mutlak ke atas Tanah Melayu oleh British.

马来亚联盟的成立是马来亚完全被英国殖民主义的一种形式。

6. Muslihat British ini disedari oleh orang Melayu. Maka tidak hairanlah Malayan Union mendapat tentangan yang hebat.

由于马来人注意到了英国的阴谋。因此马来亚联盟遭到强烈的反对也不足为奇。

2.3 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Malayan Union 当地居民对马来亚联盟的反应

1. Penduduk Tanah Melayu memberikan reaksi yang pelbagai terhadap penubuhan Malayan Union.

马来亚半岛的居民对成立马来亚联盟有不同的反应。

2.3.1 Faktor Penentangan Orang Melayu 马来人反抗的因素

1. Penghapusan kedaulatan dan kuasa Raja-raja Melayu 消除马来国王的自主权和权利。

(a) Raja-raja Melayu hanya menjadi ahli Majlis Melayu tanpa sebarang kuasa.

马来国王只成为马来委员会的成员而没有任何权力。

(b) Baginda kehilangan takhta dan status sebagai ketua orang Melayu.

他失去他的王位和马来人领袖的地位。

(c) Hak pungutan zakat diletakkan di bawah kuasa Gabenor.

征收慈善金的权利被归划为总督的权力。

2. Terhapusnya tamadun Melayu

失去马来文明

(a) Tamadun yang dibina oleh kerajaan Melayu seperti Kesultanan Melayu Melaka akan terhakis.

由马来政府比如马六甲王朝建立的文明被蚕食。

(b) Ketuanan Melayu tercabar dan mereka akan kehilangan tanah airnya sendiri.

马来人的霸权被挑战合他们将失去自己的领土。

3. Kerakyatan Malayan Union terlalu liberal

马来亚联盟国籍法过于宽松

(a) Status quo orang Melayu sebagai peribumi terancam.

马来人为原住民的现状被威胁。

(b) Jumlah orang Melayu menjadi kecil berbanding golongan pendatang.

马来人的人数比移民者少。

4. Tindakan Sir Harold MacMichael terhadap Raja-raja Melayu

Harold MacMichael 爵士对马来统治者的行动

(a) MacMichael mengancam akan menurunkan takhta Raja-raja Melayu sekiranya membantah Malayan Union.

MacMichael 威胁如果拒绝马来亚联盟将推翻马来统治者的王位。

(b) Raja-raja Melayu tidak diberi masa yang cukup untuk berunding dengan Majlis Mesyuarat Negeri atau penasihat baginda.

并没有给予马来统治者足够的时间与州议会委员会和国王的顾问进行协商。

Mesej Focus 焦点资讯

Sir Harold MacMichael telah dihantar ke Tanah Melayu pada Oktober 1945 untuk mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu supaya menerima gagasan Malayan Union. Dengan cara autokratik dan tidak telus, beliau telah berjaya mendapatkan kesemua tandatangan sembilan orang sultan dalam masa yang singkat, iaitu selama 60 hari.

Berdasarkan persetujuan tersebut, British mengumumkan Malayan Union akan diisytiharkan pada tahun 1946.

Harold MacMichael 爵士于 1945 年 10 月被派往马来亚是为了获得马来统治者的批准以便接受马来亚联盟。

随着专制和不透明的方式，他才能够很短的时间内获得所有 9 位苏丹的签名，就是 60 天。根据这项协议，英国宣布在 1946 年宣告马来亚联盟。

2.3.2 Sokongan terhadap Malayan Union 马来亚联盟的支持

1. Terdapat sekumpulan kecil orang Melayu yang menyokong Malayan Union kerana telah dipengaruhi oleh komunis.

有一小部分支持马来亚联盟的马来人因为被共产主义者影响了。

Pertubuhan Melayu menyokong Malayan Union 支持马来亚联盟的马来团体

- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKKM) 马来亚马来人民族党
- Angkatan Pemuda Insaf (API) 青少年学习部队
- Angkatan Wanita Sedar (AWAS) 妇女意识部队
- Barisan Tani Malaya (BATAS) 马来亚农民党

2. PKKM ditubuhkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) pada tahun 1945. Presiden yang pertama ialah Mokhtaruddin Lasso, Ketua Rejimen 10 Melayu, PKM.

马来亚马来人民族党于 1945 年被马来亚共产党 (PKM) 成立。第一任主席是 Mokhtaruddin Lasso, PKM 的第 10 马来军团团长。

3. API merupakan bahagian pemuda PKMM dan AWAS pula merupakan bahagian wanitanya. Sementara itu, BATAS merupakan bahagian golongan petani PKKM.

API 是 PKMM 的青少年组, AWAS 是妇女组。同时, BATAS 是马来亚马来人民族党 (PKKM) 的农民组。

4. Antara alasan pertubuhan tersebut menyokong Malayan Union ialah :

其中该组织支持马来亚联盟的原因是:

(a) Malayan Union akan menyatukan sistem pentadbiran dan seragam bagi seluruh Tanah Melayu.

马来亚联盟将为统一整个马来亚的行政管理的制度。

(b) Malayan Union akan melahirkan satu pentadbiran yang tidak berasaskan kepada kuasa raja dan pembesar Melayu.

马来亚联盟将产生一个不是基于马来统治者和贵族的权力的行政管理。

5. PKM dan Malayan Demokratik Union (MDU) menyokong pendirian pertubuhan Melayu tersebut.

PKM 和马来亚民主联盟 (MDU) 支持这个马来团体的立场。

6. MDU merupakan sebuah parti politik yang terdiri daripada orang Cina berpendidikan Inggeris yang berpusat di Singapura.

MDU 是接受英文教育的华人建立在新加坡的政党。

7. Mereka bersetuju dengan prinsip kerakyatan Malayan Union yang menguntungkan mereka kerana terbuka kepada sesiapa sahaja.

他们同意对他们有利的马来亚联盟国籍的原则, 因为是对任何人开放。

8. Di samping itu, MDU telah mencadangkan agar Singapura dimasukkan ke dalam Malayan Union.

此外, MDU 建议以便新加坡合并到马来亚联盟里。

9. Malayan Union juga mendapat sokongan daripada golongan imigran. Kelonggaran kerakyatan akan memudahkan mereka menjadi warganegara Malayan Union.

马来亚联盟也得到移民者的支持。宽松的公民权有利于他们成为马来亚联盟的公民。

10. Golongan imigran kemudiannya bergabung dalam All Malayan Council of Joint Action (AMCJA) yang diketuai oleh Tan Cheng Lock.

后来移民者加入由陈祯禄率领的所有的马来亚理事会联合行动 (AMCJA)。

11. Malayan Union mendapat tentangan daripada orang Melayu sebagai golongan peribumi Tanah Melayu. Sebaliknya, hanya golongan radikal Melayu, pertubuhan bukan Melayu, dan imigran yang menyokongnya.


马来亚联盟遇到来自马来人作为马来半岛原住民的反对。相比之下, 只有激进的马来人, 非马来人组织, 和移民支持它。

2.3.3 Cara Penentangan Orang Melayu 马来人如何抵抗

1. Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union dilakukan dengan pelbagai cara.

马来人通过各种方式进行反对马来亚联盟。

Cara penentangan orang Melayu 马来人如何反对



A Penentangan secara Individu 通过个别人士抵抗

1. Penentangan secara individu memperlihatkan pemimpin Melayu menyeru ke arah perpaduan bangsa Melayu. Misalnya, Dato' Onn Ja'afar telah menulis surat kepada Utusan Melayu menyeru orang Melayu mengadakan kongres dan menubuhkan United Malays Organization (U. M. O) sebagai wadah perjuangan menentang Malayan Union.

马来领袖呼吁马来人团结显示了单独抵抗。例如，拿督翁惹化写了一封信给 **Utusan Melayu** 呼吁马来人举办代表大会和建立马来人联合组织（**UMO**）作为对马来亚联盟的斗争。

2. Raja-raja Melayu juga turut terlibat dalam penentangan secara individu. Persetujuan Raja-raja Melayu menerima Malayan Union sebenarnya adalah kerana paksaan daripada Sir Harold MacMichael.

马来统治者也参与抵抗单独。马来统治者同意接受马来亚联盟其实是因为来自 **Harold MacMichael** 爵士的胁迫。

3. Bantahan orang Melayu menimbulkan kesedaran Raja-raja Melayu untuk berganding bahu dengan rakyat Melayu menentang Malayan Union.

马来人的抗议提高了马来统治者的意识以与马来人联手对抗马来亚联盟。

4. Sultan Johor telah menghantar surat kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan di London untuk menarik balik persetujuan baginda terhadap penubuhan Malayan Union demi kepentingan orang Melayu.

柔佛州苏丹写信给在伦敦的殖民地办公室的秘书长以收回国王对马来亚联盟的同意，为了马来人的利益。

5. Di samping itu, orang Melayu mendapat sokongan bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu. Frank Swettenham, R. O. Winstedt, Sir Frederick Weld, dan Sir Cecil Clementi Smith telah menentang Malayan Union secara terbuka dalam akhbar The Times di London.

此外，马来人得到曾在马来亚任职的前英国军官的支持。**Frank Swettenham, R. O. Winstedt, Sir Frederick Weld, dan Sir Cecil Clementi Smith** 曾在伦敦的 **The Times** 报纸公开反对马来亚联盟。

B Penentangan melalui Akhbar 通过报纸抵抗

1. Akhbar Melayu telah menjadi wadah perjuangan yang penting dalam menentang Malayan Union.

马来文报章已经成为对抗马来亚联盟的斗争里非常重要的工具。

2. Akhbar Utusan Melayu, Majlis, dan Warta Negara telah menyiarkan bantahan terhadap Malayan Union dengan berterusan.

Utusan Melayu, Majlis, dan Warta Negara 报持续发表了对马来亚联盟的抗议。

3. Akbar Majlis dalam rencana pengarangnya adalah akhbar yang mula-mula menyeru orang Melayu menentang Malayan Union.

Majlis 报在报纸上的编辑专栏是最先开始呼吁马来人对抗马来亚联盟。

4. Utusan Melayu pula pada 12 Oktober 1945 menyatakan Malayan Union menjejaskan masa depan orang Melayu dan seterusnya menyeru supaya Raja-raja Melayu memikirkan semula kesan Malayan Union jika tidak ditentang.

Utusan Melayu 报是在 1945 年 10 月 12 日说马来亚联盟会影响马来人的未来，从而呼吁马来统治者重新考虑马来亚联盟带来的后果，如果没有抵制。

C Penentangan secara Kolektif 集体对抗

1. Penentangan secara kolektif memperlihatkan orang Melayu mengadakan demonstrasi secara damai semasa Sir Harold MacMichael mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu. Ini berlaku di beberapa bandar besar di Tanah Melayu.

集体对抗体现，当 Harold MacMichael 爵士得到了马来统治者的签名时，马来人举办和平示威。这发生在马来亚的几个大城市。

2. Demonstrasi di Kota Bharu, Kelantan telah disertai oleh 10 ribu orang dan di Alor Setar, Kedah mengumpulkan 50 ribu orang.

在吉兰丹州，Kota Baharu 的示威，10,000 个人参加以及吉打州，Alor Setar 聚集了 50,000 个人。

3. Penentangan secara kolektif juga memperlihatkan persatuan Melayu ditubuhkan atau dihidupkan semula untuk menentang Malayan Union secara berorganisasi. Antaranya, Persatuan Melayu Terengganu dan Persatuan Kebangsaan Melayu Selangor.

集体对抗也体现，建立或复兴马来协会以通过组织性对抗马来亚联盟。其中有，登嘉楼马来协会和雪兰莪马来亚全国联合会。

4. Persatuan-persatuan Melayu telah menghantar telegram dan surat bantahan ke Pejabat Tanah Jajahan di London. Mereka secara kolektif menolak gagasan Malayan Union.

马来人协会发来电报和抗议书给在伦敦的殖民地办公室。他们集体拒绝马来亚联盟。

5. Penentangan secara kolektif mencapai kemuncaknya apabila orang Melayu berjaya mengadakan kongres.

集体性对抗达到了顶峰，当马来人能够举行代表大会。

6. Kongres Melayu pertama telah diadakan pada 1 sehingga 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Kongres dihadiri oleh 41 persatuan dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu.

第一次的马来人代表大会于 1 至 4 日 3 月 1946 年在 Kuala Lumpur 的 Kampung Baru 的 Sulaiman 苏丹俱乐部举行。代表大会有整个马来亚半岛的 41 个协会出席。

7. Kongres tersebut telah bersetuju menubuhkan United Malays National Organization (UMNO) atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) untuk menentang Malayan Union.

这个代表大会同意建立一个马来民族统一机构（巫统）或马来民族统一机构（PEKEMBAR）来反对马来亚联盟。

8. Dato'Onn Ja'afar telah bertindak sebagai pengerusi Kongres Melayu 1946 sementara Sultan Selangor, Sultan Hishamuddin Alam Shah, telah merasmikan kongres. Baginda juga telah menderma sebanyak \$5000.

Dato'Onn Ja'afar 担任于 1946 年马来亚代表大会的主席，而雪州苏丹，**Hishamuddin Alam Shah** 苏丹开幕代表大会。他还捐出了 5000 元。

9. Kongres tersebut telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Pada hari pertama, beribu-ribu orang Melayu yang terdiri daripada kaum lelaki, perempuan, dan kanak-kanak telah membanjiri padang Kelab Sultan Sulaiman.

代表大会得到非常令人鼓舞的反应。第一天，数千名由男子，妇女和儿童组成的马来人泛滥了 **Sulaiman** 苏丹俱乐部的场地。

10. Mereka membawa bersama sepanduk-sepanduk yang tertera dengan kata-kata patriotik untuk menentang Malayan Union. Antara suasana perhimpunan orang Melayu di padang Kelab Sultan Sulaiman pada hari pertama ialah kehadiran kanak-kanak yang membawa sepanduk. Mereka turut berbaris dan berikrar menentang Malayan Union. Mereka turut diberi peluang berucap dan antara ucapan wakil mereka berbunyi, "Wahai bapa-bapa kami, peliharalah hak-hak kami sementara kami besar".

他们带来了的横幅 (banner)，上面刻着爱国的话，以反对马来亚联盟。其中，第一天在 **Sulaiman** 苏丹俱乐部的场地的马来人集会的气氛是出席的孩子带着横幅。他们还游行，并誓言要反对马来亚联盟。他们还获得发言的机会和，其中，他们的代表的发言声称：“我们的父亲，请保护我们的权利当我们在成长时”。

11. Kongres Melayu yang kedua diadakan pada 30 hingga 31 Mac 1946. Tujuan utamanya adalah untuk membantah pengisytiharan Malayan Union yang telah ditetapkan pada 1 April 1946.

第二次马来代表大会于 30 月 31 日 1946 年举行，它主要目的是为了抗议马来亚联盟于 1946 年 4 月 1 日的声明。

12. Seramai 9 orang wakil daripada persatuan-persatuan Melayu telah menyertai kongres tersebut yang diadakan di pejabat akhbar Majlis, Kuala Lumpur.

共有九马来协会代表纷纷参加 **Majlis** 报的在吉隆坡办公室举行的代表大会。

13. Kongres Melayu yang kedua telah memutuskan tiga tindakan penting untuk menentang Malayan Union, iaitu :

第二次马来代表大会已决定三个重要的行动以对抗马来亚联盟，那就是：

(a) Meminta Raja-raja Melayu memulaukan majlis pelantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union pertama.

要求马来统治者抵制 **Edward Gent** 爵士被任命为马来亚联盟的第一任总督的仪式。

(b) Meminta orang Melayu yang dilantik sebagai ahli majlis pentadbiran Malayan Union memulaukan majlis tersebut.

要求获委任为马来亚联合的行政管理会议员的马来人抵制这个仪式。

(c) Meminta orang Melayu berkabung selama 7 hari dengan melilitkan kain putih pada songkok.

要求马来人用白布裹在 **songkok** 上哀悼 7 天。

14. Peristiwa berkabung biasanya dilakukan kerana kesedihan apabila berlaku kematian orang kenamaan. Ini melambangkan perasaan sedih orang Melayu kerana masa hadapan bangsanya yang tidak terbela.

哀悼事件通常是因为对知名人士的去世感到悲伤。它象征着马来人悲伤，因为马来人的未来被忽视。

15. Penentangan secara kolektif termasuklah mengadakan rapat umum semasa lawatan L. D. Gammans dan David Rees Williams di setiap bandar besar untuk menunjukkan kesungguhan bantahan mereka.

抵抗集体包括当 **LD Gammans** 和 **David Rees Williams** 在访问每一个主要城市期间，举办公开会议并在会议上展示自己坚决反对的态度。

16. Lawatan ahli Parlimen British ini berlaku pada bulan Mei 1946. Lawatan ini bertujuan untuk melihat sendiri sejauh mana orang Melayu benar-benar menentang Malayan Union.

英国国会议员于五月 1946 年访谈。这次访谈的目的是要自己看看马来人真的反对的马来亚联盟到什么程度。

17. Orang Melayu telah berkumpul di Singapura, Johor Bharu, Muar, Batu Pahat, Rembau, Seremban, Klang, Kuala Lumpur, Ipoh, Alor Star, dan George Town.

马来人聚集在新加坡 (Singapore), 柔佛州新山 (Johor Bahru), 麻坡 (Muar), 峇株巴辖 (Batu Pahat), Rembau, 芙蓉 (Seremban), 巴生 (Klang), 吉隆坡 (Kuala Lumpur), 怡保 (Ipoh), Alor Setar, 和乔治城 (George Town)。

18. Dalam rapat umum ini, orang Melayu membawa sepanduk-sepanduk yang membantah Malayan Union dan Sir Harold MacMichael.

在这次公开会议上, 马来人携带抗议马来亚联盟和 Harold MacMichael 爵士的横幅。

19. Kaum wanita tidak ketinggalan dalam rapat umum ini. Di Batu Pahat, cikgu Zahara Abdullah telah berucap menentang Malayan Union.

妇女没有错过这次公开会议。在 Batu Pahat, Zahara Abdullah 老师发言对抗马来亚联盟。

20. Halimahton Majid telah mengetuai kaum ibu membuat bantahan Malayan Union di Rembau.

Halimahton Majid 在 Rembau 率领女性抗议马来亚联盟。

21. Di Perak, Datin Puteh Mariah telah mengetuai Bahagian Wanita Perikatan Melayu Perak untuk bergabung dengan kaum lelaki menyokong Kongres Melayu 1946 menentang Malayan Union.

在霹雳 (Perak), 拿汀 Puteh Mariah 率领的霹雳州妇女联盟与男士联手支持 1946 年的马来代表大会对抗马来亚联盟。

22. Persatuan Kaum Ibu Selangor telah ditubuhkan untuk menentang Malayan Union. Dato' Onn memuji peranan kaum wanita yang menyokong penuh perjuangan UMNO menentang Malayan Union.

雪兰莪州妇女协会被成立以反对马来亚联盟。Dato' Onn 称赞妇女在全力支持巫统对抗马来亚联盟的斗争中发挥的作用。

23. Secara keseluruhannya, perjuangan menentang Malayan Union telah memaparkan perpaduan dan kekentalan semangat juang orang Melayu mempertahankan kedaulatan tanah air dan hak mereka.

总体而言, 对抗马来亚联盟的斗争已经证明马来人的团结和斗志一致, 捍卫领土的自主权和他们的权利。

24. Semangat juang seperti ini wajar menjadi pegangan kita sebagai warganegara demi mempertahankan maruah dan kedaulatan bangsa dan negara.

这种战斗精神应该作为我们公民的握持以保卫种族和国家的尊严和自主权。

2.4 Penubuhan UMNO 建立巫统

1. Cadangan untuk menubuhkan UMNO telah diputuskan dalam Kongres Melayu 1946 di Kuala Lumpur.

建立巫统的建议决定于 1946 年在吉隆坡举行的马来人代表大会。

2. Sehubungan dengan cadangan tersebut, Kongres telah dibubarkan bagi memberi laluan untuk menubuhkan UMNO pada 11 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Bahru, Johor.

符合这项建议, 代表大会被解散以便进让路给巫统在柔佛的大王宫于 1946 年 5 月 11 日成立。

3. Sebanyak 29 buah persatuan Melayu telah terlibat dalam penubuhan UMNO. Dato' Onn bin Ja'afar telah dilantik sebagai Presiden yang pertama.

共有 29 马来协会一直在参与建立巫统。Dato' Onn bin Ja'afar 被任命为第一任主席。

Tahun 年份	Tujuan pertubuhan UMNO 建立巫统的目的
1946	(a) Menentang Malayan Union. 对抗马来亚联盟。 (b) Menyatukan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu. 凝聚马来人马来亚的。 (c) Mewujudkan sebuah organisasi peringkat kebangsaan. 成立全国级别的组织。 (d) Menjaga kepentingan politik dan ketuanan Melayu. 政治利益和马来霸权。 (e) Memajukan pendidikan orang Melayu. 推动的马来人教育。
1949	(a) Sebagai sebuah parti politik yang sempurna dan sebagai penyatu bangsa Melayu. 作为一个完美的政党, 作为一个的统一马来人的政党。

	<p>(b) Mendirikan sebuah kerajaan Tanah Melayu yang merdeka. 建立一个独立的马来亚政府。</p> <p>(c) Memajukan politik, ekonomi, dan kehidupan rakyat khususnya ahli UMNO. 推进政治，经济和公众尤其是巫统成员的生活。</p> <p>(d) Melindungi kedaulatan tanah air. 保护领土的主权。</p> <p>(e) Menuntut kemerdekaan. 要求独立。</p>
--	---

2.4.1 Tujuan Penubuhan UMNO **建立巫统的目的**

1. UMNO merupakan organisasi Melayu di peringkat kebangsaan yang bertujuan untuk menjaga kepentingan politik dan ketuanan Melayu di Tanah Melayu.

巫统是全国性的马来人组织，旨在保护马来半岛的政治利益和自主权。

2. UMNO menjadi penyatu bangsa dan penjana pembangunan sosioekonomi orang Melayu serta tulang belakang kerajaan Tanah Melayu yang merdeka.

巫统成为统一马来人和促进社会经济发展以及马来亚政府独立的中坚力量。

2.4.2 Perjuangan Tokoh UMNO **巫统领导的奋斗**

1. Penubuhan UMNO telah menonjolkan kepimpinan tokoh Melayu yang terlibat secara langsung dalam pengasasan dan penggubalan perlembagaan UMNO.

建立巫统特显了直接参与成立和草拟巫统宪法的马来领袖的领导才能。

2. Antaranya, Dato' Onn bin Ja'afar, Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Nik Ahmed Kamil, dan Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba).

其中有 Dato' Onn bin Ja'afar, Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Nik Ahmed Kamil, dan Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba)。

A Dato' Onn bin Ja'afar

1. Dato' Onn merupakan pengasas UMNO dan Presiden UMNO yang pertama (1946-1951). Beliau mendapat pendidikan di Maktab Melayu Kuala Kangsar dan England.

Dato' Onn 是巫统创始人和第一任巫统的主席（1946-1951）。他在 Kuala Kangsar 和英国的马来师训学院接受教育。

2. Sebelum memimpin UMNO, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Negeri Johor dan merupakan seorang wartawan yang terkenal.

领导巫统之前，他曾担任柔佛州的行政官，和是一个著名的记者。

3. Dato' Onn dilantik menjadi Menteri Besar Johor pada tahun 1946 selepas keupayaan beliau memulihkan keamanan di Batu Pahat semasa berlakunya pergaduhan kaum ketika Keganasan 14 Hari. Pada ketika itu, beliau merupakan Pegawai Daerah Batu Pahat.

Dato' Onn 在 1946 年被委任出任柔佛州首席部长，当暴力 14 天期间发生种族冲突时，他有能力恢复 Batu Pahat 的和平。当时，他是 Batu Pahat 的民政事务专员。

4. Beliau orang pertama yang menyeru perpaduan orang Melayu melalui Kongres dan membentuk sebuah pertubuhan politik untuk menentang Malayan Union secara kolektif dan bebas daripada semangat kenegerian.

他是第一个通过代表大会呼吁对马来人团结和形成一个政治组织以集体和没有州主义反对马来亚联盟。

（州主义=只爱自己的州）

5. Seruan Dato' Onn mendapat sambutan daripada tokoh Melayu yang lain sehinggalah Kongres Melayu dapat direalisasikan pada tahun 1946 di Kuala Lumpur.

Dato' Onn 的呼吁得到其他马来领袖的响应，令到马来代表大会可以在吉隆坡实现于 1946 年。

6. Beliau telah dilantik dengan sebulat suara sebagai Pengerusi Kongres. Di bawah kepimpinannya, Kongres telah berjaya menubuhkan UMNO, iaitu sebuah organisasi Melayu di peringkat kebangsaan untuk menentang Malayan Union.

他被一致选举为代表大会的主席。在他的领导下，代表大会成功建立巫统，那就是一个全国性反对马来亚联合的马来组织。

7. Sumbangan Dato' Onn yang terbesar ialah menyatukan orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan mengetuai penentangan Malayan Union sehingga Malayan Union dapat ditumbangkan.

Dato' Onn 最大的贡献是团结马来半岛的马来人，并率领反抗马来亚联盟直到马来亚联盟可以被推翻。

8. Untuk tujuan tersebut, beliau sanggup menjelajah ke seluruh negara untuk menyakinkan British bahawa bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union adalah bersungguh-sungguh.

为了这个目的，他甚至徜徉全国范围以说服英国人，马来人对抗马来亚联盟的论点是非常认真的。

9. Kepimpinan Dato' Onn begitu hebat sehingga beliau dapat memujuk Raja-raja Melayu supaya tidak menghadiri upacara pelantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union.

Dato' Onn 的领导才能如此强劲到他可以说服马来统治者不参加 Edward Gent 爵士任马来亚联盟总督的就职典礼。

10. Di samping itu, Dato' Onn juga adalah anggota jawatankuasa penggubal Perlembagaan UMNO 1949. Beliau telah merujuk perlembagaan parti-parti terkenal dari luar negara untuk dijadikan panduan.

此外，Dato' Onn 也是草拟 1949 年巫统宪法的委员会。宪法他参考外国著名政党的宪法作为指南。

11. Perlembagaan UMNO 1949 ini penting kerana telah menjadikan UMNO sebagai sebuah parti politik yang sepenuhnya.

这 1949 年巫统宪法很重要因为使巫统成为一个全面的政党。

B Dato' Panglima Bukit Gantang

1. Nama sebenar beliau ialah Abdul Wahab bin Abdul Aziz. Beliau mendapat pendidikan di Anderson School Ipoh, Perak dan Inner Temple, England.

他的真名叫 Abdul Wahab bin Abdul Aziz。他在霹雳怡保的 Anderson 学院和英国的圣殿教堂内接受了教育。

2. Dato' Panglima Bukit Gantang merupakan Setiausaha Agung UMNO yang pertama.

Dato' Panglima Bukit Gantang 是巫统第一位秘书长。

3. Semasa Malayan Union diperkenalkan, beliau menubuhkan Perikatan Melayu Perak dan menyokong Kongres Melayu 1946 untuk menentang Malayan Union.

当马来亚联盟被引入，他组建霹雳州马来联盟和支持在 1946 年的马来代表大会对抗马来亚联盟。

4. Beliau antara tokoh penting dalam penggubalan Perlembagaan UNMO 1949. Beliau menjadi Ketua Bahagian UMNO Perak dari tahun 1948 sehingga tahun 1953.

他是其中草拟 1949 年巫统宪法重要的委员会之一，他一直是霹雳州巫统的负责人，从 1948 年直到 1953 年。

C Dato' Nik Ahmed Kamil

1. Dato' Nik Ahmed Kamil antara tokoh penting dalam UMNO.

Dato' Nik Ahmed Kamil 是其中巫统的重要人物之一。

2. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Majlis Agama Islam, Kota Bharu dan Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak.

他在 Kota Bharu 的回教委员会学校和霹雳 Kuala Kangsar 的马来师训学院接受教育。

3. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Lincoln's Inn, London, England dan menjadi seorang peguam yang bertauliah.

后来，他去英国伦敦林肯学院深造，并成为一名被认证的律师。

4. Penglibatan beliau dalam UMNO adalah sebagai Ahli Jawatankuasa UMNO Pusat dan Ketua UMNO Kelantan.

他在巫统里，是巫统委员会成员和吉兰丹州的巫统主席。

5. Beliau juga merupakan salah seorang tokoh yang terlibat dalam penggubalan Perlembagaan UMNO 1949.

他也是草拟 1949 年巫统宪法重要的委员会之一。

6. Dalam perkhidmatan awam, beliau pernah menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri dan menjadi Menteri Besar Kelantan pada tahun 1948 hingga tahun 1955.

在公共服务，他曾是吉兰丹的国务大臣，和在 1948 年直到 1955 年成为首席部长。

D Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba)

1. Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) adalah seorang intelektual Melayu yang terlibat dalam Kongres Melayu 1946 yang membawa kepada penubuhan UMNO.

Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba)是以地参与导致建立巫统的 1946 年马来代表大会的马来知识分子。

2. Semasa Malayan Union diisytiharkan, beliau bertugas di Pejabat Perhubungan Raya Kuala Lumpur.

在马来亚联盟被宣布，他曾在吉隆坡的公共关系办公室任职。

3. Za'ba memainkan peranan besar dalam menguruskan persidangan Kongres Melayu 1946. Beliau telah dibantu oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Selangor dan kakitangan akhbar Majlis.

Za'ba 在管理 1946 年马来代表大会中扮演重要的角色。他被雪州全国马来协会和 Majlis 报的工作人员协助。

4. Za'ba telah mencadangkan perkataan 'kebangsaan' (national) digunakan dalam menamakan UMNO. Dengan itu, United Malays Organization (UMO) cadangan Dato' Onn bin Ja'afar telah menjadi United Malays National Organization (UMNO) .

Za'ba 建议巫统的名字用 'kebangsaan' (国家) (national) 单字来命名。因此，Dato' Onn bin Ja'afar 建议的巫统组织 (United Malays Organization) (UMO) 变成马来民族统一机构 (United Malays National Organization) (巫统) (UMNO) 。

5. Za'ba juga merupakan salah seorang tokoh yang terlibat dalam penggubalan Perlembagaan UMNO 1949.

Za'ba 也是草拟 1949 年巫统宪法重要的委员会之一。

2. 4. 3 Perjuangan dan Perkembangan UMNO 巫统的斗争和发展

1. UMNO telah memperjuangkan kemajuan orang Melayu dalam bidang politik, ekonomi, sosial, dan pendidikan.

巫统一直倡导马来人在政治，经济，社会和教育的发展。

Perjuangan UMNO 巫统的斗争

Menyatupadukan orang Melayu	团结马来人
Menubangkan Malayan Union	推翻马来亚联盟
Menghapuskan sifat kedaerahan dan kenegerian di kalangan orang Melayu	消除马来人的区域主义和州主义的本质
Mewujudkan sebuah parti politik di peringkat kebangsaan	建立一个全国性的政党
Mengembalikan ketuanan Melayu	拿回马来人的霸主地位
Memajukan pendidikan orang Melayu	推动马来人教育
Memajukan sosioekonomi orang Melayu	促进社会经济马来

2. UMNO merupakan sebuah parti politik yang menjadi wadah perpaduan orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.

巫统是让整个马来半岛的马来人在团结的政党。

3. Persidangan UMNO telah diadakan di bandar-bandar besar di Tanah Melayu untuk memantapkan dan menjalankan aktiviti parti.

巫统大会在马来亚各大城市举行以稳住和开展政党的活动。

4. Misalnya, Persidangan Agung UMNO pada bulan Jun 1946 di Ipoh telah meluluskan bendera UMNO.

例如，1946年6月在怡保的巫统大会批准巫统的旗帜。

5. Pada tahun 1947, Persidangan Agung UMNO diadakan di Kota Bharu, Kelantan.

1947年，巫统大会在吉兰丹州的哥打巴鲁举行。

6. Persidangan Agung UMNO dirasmikan oleh Raja-raja Melayu di negeri di tempat persidangan itu diadakan.

巫统大会在那一州举行由那一州的马来统治者开幕。

7. Ini membuktikan perjuangan UMNO direstui oleh Raja-raja Melayu. Kerjasama Raja-raja Melayu dan rakyat jelata adalah perlu dalam menegakkan kedaulatan negara dan bangsa.

这证明马来统治者认可巫统。要维护国家和民族自主权，马来统治者和人民群众合作是必须的。

8. UMNO telah meluluskan Perlembagaan UMNO 1946 sebagai panduan untuk organisasi ini beroperasi.

巫统批准了1946年巫统宪法作为经营组织的指南。

9. Pada 24 April 1948, UMNO telah mencapai kemajuan dengan menjadi sebuah parti politik bagi orang Melayu.

于1948年4月24日，巫统发展成为一个马来人的政党。

10. Persatuan-persatuan yang bergabung dalam UMNO sebelum ini telah dibubarkan dan menjadi bahagian UMNO Negeri masing-masing.

之前加入巫统的协会已经解散，成为各个州巫统的一部分。

11. Pada tahun 1949, Perlembagaan UMNO yang pertama telah diluluskan untuk membolehkan UMNO bergerak sebagai pertubuhan parti politik sepenuhnya.

1949年，第一个巫统宪法被批准以让巫统成为全面性的政党组织。

12. UMNO mempunyai beberapa lambang penting yang menjadi identiti UMNO.

巫统党有几个代表巫统身份的重要标志。

13. Antaranya logo UMNO. Logo UMNO ini begitu klasik yang mengandungi huruf tulisan Jawi, iaitu 'fa', 'kaf', 'mim', 'ba', dan 'ra' yang disusun secara grafik untuk membentuk PEKEMBAR.

其中有巫统的标志。巫统的标志是如此经典，包含Jawi字母，即“发”，“kaf”，“mim”，“巴”，和“ra”以图形被排列成PEKEMBAR。

14. Pemilihan bendera UMNO telah diputuskan dalam persidangan UMNO di Ipoh, Perak pada bulan Jun 1946 yang dicadangkan oleh Ikatan Setia Kampung Baru, Kuala Lumpur.

吉隆坡的Kampung Baru秘书处协会提议在霹雳州怡保于1946年6月的巫统大会决定选巫统的旗帜。

15. Bendera UMNO mengandungi empat warna, iaitu merah, putih, kuning, dan hijau. Warna merah bererti keberanian, putih bermakna kesucian dan keikhlasan. Warna kuning bagi bulatan di tengah ialah lambang raja dan keris di tengah berwarna hijau adalah lambang agama Islam. Keri ini juga melambangkan tamadun Melayu.

巫统的旗帜有四种颜色，那就是红，白，黄，绿。红色代表勇气，白色的纯洁和诚意。中间圆圈的黄色代表我的国王和中间绿色的匕首代表回教。金剑也象征着马来人文明。

16. Bendera UMNO telah dikibarkan buat kali pertama di Mesyuarat Agung UMNO di Pulau Pinang pada 27 Julai 1947.

巫统旗帜首次被悬挂在檳城于1947年7月27日的巫统大会。

17. Slogan UMNO pada awalnya ialah 'Hidup Melayu' yang dicipta oleh Dato' Onn Ja'afar untuk menyatukan ahli-ahli UMNO. Slogan tersebut membawa maksud memelihara semangat, maruah dan kesopanan bangsa, dan keselamatan bangsa Melayu serta Tanah Melayu.

巫统最初的口号是“马来生活”由 Dato' Onn Ja'afar 创造以团结巫统成员。口号是为了维护民族的精神，尊严和礼仪以及马来人和马来半岛的安全。

18. Kemudiannya, slogan UMNO 'Hidup Melayu' ditukar kepada 'Merdeka' pada bulan Mac 1950 atas cadangan wakil Pemuda UMNO iaitu, Syeikh Gharieb Raub daripada Bahagian Pemuda UMNO Batu Pahat. Penukaran slogan ini bersesuaian dengan perjuangan UMNO ketika itu, iaitu untuk memerdekakan Tanah Melayu.

后来，巫统口号“马来生活”在巫青团代表，那就是来自 Batu Pahat 巫青团部的 Syeikh Gharieb Raub 的建议下于 1950 年 3 月改为“独立”。更改的口号与巫统的奋斗是一致的，那就是解放马来亚。

19. Semua lambang tersebut bukan sahaja menjadi identiti UMNO tetapi melambangkan dasar perjuangan UMNO. 所有象征不仅是一个巫统的身份象征，还是代表巫统奋斗的政策。

20. Kepimpinan UMNO yang terdiri daripada cerdik pandai Melayu telah membolehkan UMNO bergerak secara sistematik dan selaras dengan lunas-lunas perlembagaannya.

巫统的领导层，包括知识分子，让巫统马来的营运系统化，并根据它的宪法的原则。

21. UMNO berjaya melahirkan identitinya yang jelas sehingga menjadi tulang belakang kerajaan yang memerintah negara kita sehingga hari ini.

巫统成功创造一个明确的身份，直到今天都是国家政府的中坚力量。

2.5 Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 (1948 年马来亚联邦)

1. Malayan Union telah ditentang habis-habisan oleh Raja-raja dan rakyat Melayu sehingga British terpaksa membubarkan Malayan Union.

马来亚联盟遭到了国王和马来民族的顽强抗议，英国被迫解散马来亚联盟。

2. British telah melibatkan orang Melayu dalam perundingan untuk menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) pada 1 Februari 1948 bagi menggantikan Malayan Union.

英国让马来人参与谈判以在 1948 年 2 月 1 日建立马来亚联邦 (PTM) 取代马来亚联盟。

3. Ini adalah kejayaan gemilang orang Melayu dalam mengembalikan semula ketuanan Melayu di tanah air sendiri. 这是马来人巨大的成功得以恢复在自己的领土的马来自主权。

2.5.1 Rundangan ke Arah Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 谈判走向建立马来亚联邦

1. Bantahan orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu sejak Januari sehingga Mei 1946 telah membuktikan kepada British bahawa orang Melayu menolak Malayan Union dengan bersungguh-sungguh.

从 1946 年一月至 5 月，整个马来半岛的马来人的抗议，已对英国证明了马来人拒绝马来亚联盟的认真。

2. Pertemuan Raja-raja Melayu dengan pihak British di Kuala Kangsar pada bulan Mei 1946 telah membolehkan Raja-raja Melayu menyampaikan pandangan mereka yang sebenarnya terhadap Malayan Union.

马来统治者与英国在 Kuala Kangsar 于 1946 年 5 月的会议使马来统治者传达自己对马来亚联盟的意见。

3. Perundingan antara British dengan wakil UMNO pada bulan Jun 1946 di Pulau Pinang juga telah menyakinkan British bahawa orang Melayu tidak dapat menerima langsung Malayan Union.

英国和巫统代表于 1946 年 6 月在檳城会谈也有说服英国说马来人完全不能接受马来亚联盟。

4. Ketegasan, kesungguhan, dan cara penentangan sederhana UMNO dan Raja-raja Melayu terhadap Malayan Union telah menyebabkan British membuka perundingan rasmi dengan kedua-dua pihak tersebut.

巫统和马来统治者的坚定，决心，以及适度方式对抗马来亚联盟导致英国开放与双方正式的谈判。

5. Perkembangan yang seterusnya memperlihatkan Raja-raja Melayu dan UMNO telah menyediakan satu memorandum pada bulan Julai 1946.

接下来的事态发展可以看到马来统治者和巫统在 1946 年 7 月准备了一份备忘录，。

6. Pada 25 Julai 1946, sebuah Jawatankuasa Eksekutif telah ditubuhkan oleh British yang dianggotai oleh empat orang pegawai kanan British, empat orang wakil Raja-raja Melayu, dan dua orang wakil UMNO.

于 1946 年 7 月 25 日，由英国，有四个英国高级官员，四名马来统治者代表和两名巫统代表成立了一个执行委员会。

7. Perbincangan telah dibuat beberapa kali di King's House, Kuala Lumpur. Beberapa isu telah dikemukakan sebagai dasar perbincangan. Isu pertama ialah penolakan sepenuhnya Orang Melayu dan Raja-raja Melayu terhadap semua prinsip dan struktur Malayan Union.

已多次在吉隆坡王宫进行讨论。几个问题已作为讨论的基础。第一个问题是马来人和马来统治者拒绝和反对马来亚联盟的一切的原则和结构。

8. Wakil orang Melayu menuntut konsep sebuah kerajaan persekutuan seperti Negeri-negeri Melayu Bersekutu bagi seluruh Semenanjung Tanah Melayu.

马来人的代表，要求一个马来联邦政府的概念比如整个马来半岛的马来联邦。

9. Wakil orang Melayu menolak kerakyatan terbuka Malayan Union dan menuntut taraf naungan Negeri-negeri Melayu dipulihkan. Mereka juga menuntut pengiktirafan semula Raja-raja Melayu sebagai ketua Negeri-negeri Melayu.

马来人的代表拒绝马来亚联盟开放权，并要求恢复马来国附属国的地位。他们还要求再认可马来统治者马来国家的首领。

10. Tuntutan wakil UMNO dan Raja-raja Melayu ini terpaksa diselaraskan dengan kehendak British yang mahu memberi taraf kerakyatan kepada golongan imigran yang ingin menetap di Tanah Melayu.

巫统代表和马来统治者权利要求书不得不与英国的谁想给公民谁想要定居在马来亚移民的要求协调一致。

11. Oleh sebab itu, perundingan antara wakil British, Raja-raja Melayu, dan UMNO mengambil masa yang lama.

因此，英国，马来统治者和巫统代表之间的谈判需要很长的时间。

12. Akhirnya, Perjanjian Persekutuan 1948 telah ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dan British pada 21 Januari 1948. Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikan Malayan Union telah dibentuk pada 1 Februari 1948.

最后，1948 年的联邦条约由马来统治者和英国于 1948 年 1 月 21 日签署。取代马来亚联盟的马来亚联邦于 1948 年 2 月 1 日成立。

13. Faktor British bersetuju menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu

英国同意建立马来亚联邦的因素

(a) Persekutuan Tanah Melayu yang dibentuk masih melindungi kepentingan politik British untuk jangka panjang.

马来亚联合邦的成立，从长远来看依然保护英国政治的利益。

(b) British tidak mahu orang Melayu menjadi ekstrem dalam gerakan politik mereka.

英国不希望马来人在他们的政治运动里成为极端分子。

(c) British bimbang dengan corak perjuangan golongan Melayu radikal yang terpengaruh dengan gerakan revolusi Indonesia.

英国担心马来人激进分子的奋斗模式会被印尼革命的运动模式影响。

(d) British bimbang Parti Komunis Malaya terus mendapat sokongan daripada orang ramai terutama orang Melayu.

英国担心马来亚共产党继续得到大众，特别是马来人的支持。

(e) Sikap sederhana dan pendekatan secara rundingan oleh UMNO dan Raja-raja Melayu.

巫统和马来统治者温和的本质与协商的办法。

(f) British ingin melaksanakan dasar dekolonisasi (proses memberi kemerdekaan kepada tanah jajahan) seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

英国希望实施非殖民化政策（给予殖民地独立的过程）联合国组织所推荐的。

2. 5. 2 Ciri-ciri Utama Persekutuan Tanah Melayu 马来亚联邦的主要特点

1. Perjanjian Persekutuan 1948 mempunyai beberapa ciri tertentu.

在 1948 年联邦协议具有一定的特殊性。

2. Ciri-ciri utama Persekutuan Tanah Melayu 1946

1946 年马来亚联邦的主要特点

(a) Sebuah kerajaan persekutuan dibentuk daripada gabungan 11 buah negeri (9 negeri Melayu dan 2 negeri Selat).

联邦政府由 11 个州（9 个马来国和 2 个海峡殖民地）的组合而成。

(b) Pesuruhjaya Tinggi British menjadi Ketua Persekutuan dan dibantu oleh Majlis Mesyuarat Eksekutif dan Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan.

英国高级专员成为联邦主席并得到联邦执行委员会和联邦立法委员会的协助。

(c) Syarat kerakyatan diperketatkan.

公民资格的条件收紧。

(d) Majlis Raja-raja Melayu diwujudkan menggantikan Majlis Melayu.

建立马来统治者委员会替换马来委员会。

(e) Perlindungan istimewa ke atas orang Melayu diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British.

对马来人的特殊保护是英国高级专员的权力。

(f) Konsep Raja Berperlembagaan diperkenalkan.

推出了立宪制君主的概念。

3. Sekiranya dibandingkan ciri-ciri Malayan Union 1946 dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948, terdapat perbezaan yang jelas. Perbezaan tersebut adalah seperti berikut :

如果比较 1946 年马来亚联盟与 1948 年马来亚联邦的特点，有一些明显的区别。不同之处如下：

Aspek perbezaan 比差	Malayan Union 1946 马来亚联盟	Persekutuan Tanah Melayu 1948 马来亚联合邦
Ketua pusat 中央负责人	Gabenor British 英国总督	Pesuruhjaya Tinggi British dan Majlis Raja-raja Melayu 英国高级专员和马来统治者委员会
Kuasa di peringkat pusat 中央层面的权力	Parlimen British 英国国会	Majlis Perundangan Persekutuan, Majlis Mesyuarat Eksekutif, dan Majlis Raja-raja Melayu 联邦立法会，行政会议，和马来统治者委员会
Kuasa di peringkat negeri 州一级的权力	Pesuruhjaya Negeri, Majlis Mesyuarat Negeri 州专员，国务委员会	Sultan, Menteri Besar, dan Majlis Negeri 苏丹，秘书长，和国务院
Pembahagian kuasa 权力的分配	Semua kuasa di peringkat pusat kecuali jabatan di negeri 中央层面除该州部门有一切的权力	Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri 联邦及州的列表清单
Kuasa terhadap agama Islam dan adat istiadat Melayu 回教和马来习俗的权力	Gabenor 总督	Sultan 苏丹
Undang-undang Tubuh Negeri 州宪法	Dikuasai oleh Gabenor dan Pesuruhjaya Negeri 由总督和州专员掌控	Dikuasai oleh Sultan dan Jemaah Negeri 由苏丹和内阁事务掌控

Bahasa pentadbiran 行政的语言	Bahasa Inggeris 英语	Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu 英语和马来语
Kerakyatan 公民资格	Dilonggarkan 放宽	Diketatkan semula 再次收紧

4. Terdapat perbezaan yang jelas dalam hal kerakyatan.

有公民资格方面有着明显的区别。

Cara mendapatkan kerakyatan 如何获得公民资格	Malayan Union 马来亚联盟	Persekutuan Tanah Melayu 马来亚联合邦
Secara kuat kuasa undang-undang 通过法律的力量	Jus soli bagi mereka yang lahir di Malayan Union, Singapura, dan tanah jajahan British yang lain. 出生地法对于那些出生在马来亚联盟, 新加坡等英国殖民地的人。	'Jus soli hanya terbuka kepada Rakyat Raja dan Rakyat British. Pemohon yang lahir di luar negeri, tetapi bapanya adalah Rakyat Raja atau Rakyat British. 出生地法是只开放给王的人民和英国人民。国外出生的申请人, 但他的父亲是王的人民或英国人民。
Secara permohonan 通过申请	Pemohon yang telah tinggal 5 atau 7 tahun daripada tarikh permohonan. 自申请之日起已经住 5 至 7 年的申请者。	Pemohon yang berusia 21 tahun dan tidak ada rekod jenayah serta bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu. 申请者年龄 21 岁没有犯罪记录, 并同意效忠马来亚联合邦。

Perbezaan kerakyatan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu

马来亚联邦与马来亚联邦公民资格的区别

Petunjuk: 说明:

- Jus soli-Pemberian kerakyatan berdasarkan tempat kelahiran.
- 出生地法-按出生地点给予公民权。
- Rakyat Raja-Orang Melayu dan Orang Asli yang dilahirkan dan tinggal di negeri yang mempunyai raja.
- 王的人民-出生和生活在有国王的马来人及土著。
- Rakyat British-Mereka yang dilahirkan di Melaka, Pulau Pinang, Singapura, dan tanah jajahan British yang lain.
- 英国人民-出生于马六甲, 檳城, 新加坡等英国殖民地的人。